

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**

**SOALAN : NO. 306**

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pendapatan dan juga keuntungan untuk syarikat Education Malaysia Global Services (EMGS) Sdn Bhd untuk setiap tahun dari tahun 2013 ke 2016.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, EMGS adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang Bukan Berasaskan Keuntungan dan dibiayai sepenuhnya melalui sumber yang dijana melalui bayaran pemperosesan visa.

Sejak ianya ditubuhkan EMGS telah berjaya mengekalkan prestasi kewangan yang baik dalam membiayai operasi syarikat serta mempertingkatkan program promosi dan pemasaran antarabangsa dalam menggalakan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia. Contohnya, EMGS membiayai hampir 80% bayaran penyertaan Institusi Pendidikan Tinggi di pameran pendidikan antarabangsa di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Laporan diaudit kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pendapatan EMGS pada tahun 2013 adalah sebanyak RM34,922,319 dan meningkat kepada RM77,753,638 pada tahun 2016. Manakala keuntungan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM87,972 dan meningkat kepada RM6,316,900 pada tahun 2016.

15

**SOALAN ( 307 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ ALOR SETAR ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan mesyuarat Majlis Ekonomi Nasional yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dalam bulan September 2017, sama ada ia telah meluluskan cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa Kulim, dan sekiranya tidak, kenapa.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Ekonomi pada bulan September 2017 tidak membincangkan berkenaan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017